

28 MAY 2001

G15-PEMIMPIN

HANYA TUJUH PEMIMPIN NEGARA HADIRI SIDANG KEMUNCAK G15

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 28 Mei (Bernama) -- Hanya tujuh pemimpin negara dan kerajaan akan menghadiri Sidang Kemuncak Ke-11 Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang akan bermula di sini, Rabu ini.

Selain Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, pemimpin-pemimpin lain terdiri daripada Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo, Presiden Senegal Abdoulaye Wade, Presiden Venezuela Hugo Chavez, Perdana Menteri Mesir Atef Ebeid, Perdana Menteri Jamaica James Patterson dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir akan tiba esok.

Pada mulanya, sembilan pemimpin negara dijadualkan menghadiri sidang kemuncak yang julung kali diadakan di Indonesia itu.

Akhbar Jakarta Post di sini melaporkan hari ini bahawa Presiden Zimbabwe Robert Mugabe membatalkan kedatangannya ke Jakarta disebabkan oleh kematian Menteri Pertahanan Zimbabwe Moven Mahachi dalam satu kemalangan jalan raya Sabtu lalu.

Juga dilaporkan bahawa ketibaan Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika juga belum dipastikan kerana terdapat laporan yang mengatakan bahawa beliau akan digantikan oleh seorang pegawai berjawatan tinggi kerajaan, dijangkakan speaker Parlimen.

Negara-negara anggota yang lain akan diwakili oleh pegawai-pegawai berjawatan tinggi kerajaan.

Tema bagi sidang kemuncak kali ini ialah "Menggunakan Potensi Era Digital bagi Pembangunan."

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Hari ini, mesyuarat ke-22 Menteri-Menteri Luar berlangsung di Pusat Konvensyen Jakarta, di mana sidang kemuncak itu akan diadakan.

Menteri-menteri Luar itu, serta wakil-wakil peribadi pemimpin-pemimpin akan membuat keputusan mengenai perkara-perkara muktamad dalam kenyataan bersama dan deklarasinya yang julung kali dikeluarkan dalam sepanjang 12 tahun sejarah kumpulan itu, iaitu Deklarasi Jakarta.

Deklarasi itu dijangka menekankan komitmen pemimpin-pemimpin G15 untuk menghapuskan jurang digital antara negara-negara membangun dan negara-negara maju, serta menggalakkan perkembangan teknologi maklumat bagi mengatasi masalah pembangunan.

Kenyataan bersama yang dijadual dikeluarkan oleh ketua-ketua perwakilan itu, dijangka melahirkan kebimbangan terhadap ketidak samaan yang semakin meningkat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan negara-negara membangun, seperti perdagangan pelbagai hala dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). --

BERNAMA

MKO FR KY AA